

**PRINSIP PERGERAKAN DALAM SENI SILAT MELAYU
MELALUI MEDIA CAMPURAN BAGI PENGHASILAN KARYA**

SENI

NORAZILA BINTI MUHAMMAD @ MAT GHANI

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF
DENGAN KEPUJIAN (SENI HALUS)**

KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PRINSIP PERGERAKAN DALAM SENI SILAT MELAYU
MELALUI MEDIA CAMPURAN BAGI PENGHASILAN
KARYA SENI**

Oleh

NORAZILA BINTI MUHAMMAD @ MAT GHANI

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

Nama pelajar : NORAZILA BINTI MUHAMMAD @ MAT GHANI

No. Matriks : C17A0185

Tarikh :

Disahkan oleh:

Tandatangan Penyelia

Nama penyelia :

Cop :

Tarikh :

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang dirangkumkan di dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan asal dan belum diserahkan untuk darjah tertinggi bagi mana-mana Universiti dan Institusi.

/
/
/

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera dan boleh didapati dalam bentuk salinan dan dalam talian (teks penuh).

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rasmi Rahsia 1972) *

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad seperti yang ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dilakukan) *

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak seperti berikut :

1. Laporan ini adalah hak Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Tandatangan

Tandatangan penelia

Nama:

Nama:

Tarikh:

Tarikh:

Nota: Jika laporan ini SULIT ATAU TERHAD, sila kepitkan Bersama surat daripada organisasi yang menyatakan masa dan sebab untuk kesulitan dan pembedaan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa saya yang telah banyak memberi dorongan dan sokongan kepada saya untuk menyiapkan projek akhir tahun. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih terutamanya pensyarah atau penyelia saya iaitu Dr. Yuhanis bin Ibrahim selaku penyelarasan untuk subjek CFT3124 Projek Penyelidikan yang telah banyak membantu saya dan memberi tunjuk ajar untuk menyelesaikan penyelidikan ini. Akhir sekali, tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuang saya yang sentiasa memberi kata-kata semangat serta memberi bimbingan sepanjang menyelesaikan penyelidikan ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan berkaitan dengan prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu dengan menggunakan media campuran bagi penghasilan karya seni. Objektif dalam kajian ini adalah mengkaji bahan yang dapat mempengaruhi pergerakan seni silat untuk dijadikan karya sebagai bahan utama, menganalisis hasil kajian dengan menggunakan bahan media campuran, proses dan teknik dalam penghasilan karya serta menghasilkan karya dengan menggunakan media campuran yang berpandukan prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu. Oleh itu, pengkaji membuat penyelidikan terhadap prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu ini untuk melambangkan akal budi Melayu yang didalamnya mencerminkan falsafah, pemikiran, perlakuan, emosi dan gaya hidup orang Melayu. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu dengan menggunakan media campuran bagi penghasilan karya seni ini dilaksanakan dengan lebih berkesan. Hasil penyelidikan ini berharap dapat memberi kesan yang baik untuk menghasilkan karya dengan menggunakan prinsip pergerakan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

The study was carried out in connection with the principle of movement in Malay martial art using mixed media to produce artworks. The objective of this study is to investigate the substances that may affect the movement of martial arts for his works as the main material, analyzing the results of studies using mixed media, processes and techniques in the production of paper and produce work using mixed media guided by the principle of movement in martial arts Malay. Thus, the researchers made an inquiry to the principle of movement in the Malay martial art to symbolize Malay mind in which reflect the philosophy, thinking, behavior, emotions and lifestyle of the Malays. This study was conducted to see to what extent the principle of scaling in Malay martial art using mixed media to produce this artwork implemented more effectively. The results of thus research hope to have a good effect to produce a work using the principle of movement.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv-v

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1-2
1.1 Latar Belakang Kajian.....	3
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian.....	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian.....	5
1.6 Skop Kajian.....	6

BAB 2 : KAJIAN LITERATURE

2.0 Sejarah Seni Silat Melayu.....	7-9
2.1 Seni Silat Melayu.....	10
2.2 Prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu.....	11-12
2.3 Artis rujukan.....	13-16

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0 Data kualitatif.....	17
3.1 Kaedah Bahan Bacaan Ilmiah.....	18
3.2 Kaedah Internet.....	18
3.3 Kaedah Kajian Lepas.....	19
3.4 Diagram Proses Projek Penyelidikan.....	20-21
3.5 Carta Gantt.....	22

BAB 4 : ANALISIS KAJIAN

4.0 Proses lakaran awal (sketch) idea awal.....	23-26
4.1 Proses Penghasilan Karya Akhir.....	26-27

BAB 5 : KESIMPULAN.....28**BIBLIOGRAFI.....29-30**

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Seni silat merupakan salah satu seni mempertahankan diri yang berasal daripada Indonesia yang juga tersebar luas ke negara-negara lain seperti Brunei Darrusalam, Singapura dan Vietnam yang mempunyai kesesuaian dengan penyebaran pelbagai bangsa di Nusantara. Seni silat ini telah diamalkan sejak berkurun yang lampau. Yang mempunyai salasilah seni silat ini tidak dapat dihuraikan secara terperinci dan tepat kerana ianya tiada usaha untuk mengkaji secara mendalam.

Seni silat ini juga ada yang menganggap seni ini telah pun berusia beratus-ratus tahun dan diturunkan secara turun-temurun. Oleh itu, mereka yang belajar silat digelar sebagai pesilat. Pada zaman sekarang amalan yang diajar oleh pengajar atau guru silat dapat mewarisi aliran sesuatu perguruan yang digelar sebagai Guru Utama.

Menurut Chambers dan Dreager(1978), kaum Melayu mempunyai hak untuk berbangga dengan seni silat Melayu kerana silat diterima oleh kalangan orang ramai sebagai hak mutlak asli kepunyaan kaum Melayu. Hak milik ini dapat memberi kaum Melayu untuk memiliki nilai seni budaya warisan yang setanding dengan seni pertahankan yang lain. Seni silat ini juga dapat berkembang menjadi sebahagian daripada budaya dan tradisi sosial. Definisi lain bagi mentafsirkan seni silat sebagai seni Melayu yang bersenjata dan tidak bersenjata.

Walaupun bagaimanapun, seni silat Melayu pada zaman sekarang hanya dapat dilihat pada waktu tertentu sahaja majlis rasmi seperti majlis perkahwinan, persatuan dan aktiviti kokurikulum. Dengan mempunyai kemudahan zaman sekarang generasi muda lebih terdedah dengan penggunaan teknologi yang canggih dan mereka lebih cenderung kepada seni boxing dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah mengkaji penghasilan karya melalui prinsip pergerakan seni silat Melayu dengan menggunakan media campuran dalam penghasilan karya seni yang akan dihasilkan. Tujuan ini dihasilkan supaya prinsip pergerakan seni silat Melayu memberi inspirasi kepada golongan muda dengan membuat inovasi melalui catan, cetakan dan lain lagi dengan menggunakan media campuran bagi memperkenalkan kepada generasi muda.

Di samping itu, prinsip pergerakan seni silat Melayu ini mempunyai ciri-ciri dan elemen seni yang sesuai untuk dijadikan sebagai karya. Pengkaji perlulah mengkaji prinsip pergerakan seni silat untuk memberi inspirasi membuat karya dengan menggunakan media campuran. Dalam kajian ini lebih menfokuskan prinsip pergerakan seni silat Melayu dengan menggunakan media campuran bagi menghasilkan karya.

Kesimpulannya, seni silat ini perlulah dijaga agar ia tidak pupus ditelan zaman supaya generasi muda dapat mengenali seni silat Melayu kerana ianya merupakan usaha nenek moyang kita dijadikan sebagai senjata untuk mempertahankan diri. Walaupun perbezaan pandangan masyarakat Melayu pada masa kini telah berubah terhadap seni silat kerana ia mengandungi unsur spiritual yang menyebabkan seseorang menjadi pemaah. Oleh itu, generasi muda juga melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum atau persatuan untuk mengekalkan seni silat Melayu.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pelbagai persembahan yang terdapat di Malaysia yang telah wujud pada zaman nenek moyang lagi ia dikekalkan sehingga ke hari ini sebagai turun-temurun agar tidak ketinggalan zaman. Oleh itu, seni itu begitu meluas bukan sahaja menghasilkan karya malah seni juga terlibat dalam seni sastra, silat, tarian dan pelbagai. Melalui penyelidikan ini pengkaji lebih menitikberatkan terhadap seni silat Melayu kerana ia telah lama tidak muncul pada era globalisasi. Pada orang Melayu terutamanya menganggap seni silat ini sebagai simbol kekuatan dalam kepahlawanan orang dahulu kala seperti dalam Kesultanan Melaka serta menganggap cerita sebagai legenda Hang Tuah yang pandai bersilat untuk mempertahankan nyawa dan taat setia kepada raja.

Sewaktu era pasca penjajahan, seni silat Melayu telah tersohor dan popular oleh kerana jasa-jasa pendekar yang telah memimpin perjuangan dan mengorbankan nyawa untuk kemerdekaan. Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah membuat kajian terhadap prinsip pergerakan seni silat Melayu bagi penghasilan karya seni. Pengkaji akan mengkaji bahan apa yang sesuai digunakan untuk membuat sesebuah karya supaya lebih kreatif.

Dalam kajian ini pengkaji lebih menfokuskan prinsip pergerakan seni silat Melayu dengan menggunakan media campuran bagi menghasilkan karya untuk dijadikan bahan utama sebagai skop kajian.

1.2 Penyataan masalah

Kepantasan era globalisasi ini menyebabkan masyarakat tidak lagi tertarik atau berminat dengan karya media campuran. Antara pernyataan masalah yang dihadapi iaitu:

- i. Pemilihan media atau bahan campuran yang bersesuaian untuk membuat olahan dalam karya seni.
- ii. Penyesuaian teknik yang ingin digunakan terhadap media untuk diolah dalam karya seni.
- iii. Menilai sejauhmana penggunaan media campuran dalam karya dapat mempengaruhi prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu untuk menghasilkan sesebuah karya.

1.3 Objektif kajian

Berdasarkan daripada permasalahan kajian yang telah dikemukakan, Oleh itu, terdapat beberapa objektif kajian yang dapat dirungkaikan dalam kajian ini:

- i. Mengkaji bahan yang dapat mempengaruhi pergerakan seni silat untuk dijadikan karya sebagai bahan utama dalam prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu?
- ii. Menganalisis hasil kajian dengan menggunakan bahan media campuran, proses dan teknik penghasilan karya.
- iii. Menghasilkan karya dengan menggunakan media campuran yang berpandukan prinsip pergerakan seni silat Melayu.

1.4 Persoalan Kajian

- II. Apakah prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu dapat mempengaruhi penggunaan bahan media campuran untuk dijadikan penghasilan karya sebagai bahan utama dalam skop kajian?
- III. Bagaimanakah bahan media campuran dapat diolah dengan menggunakan prinsip pergerakan seni silat Melayu bagi penghasilan karya?
- IV. Apakah prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu dapat menggunakan bahan media campuran dapat memberi inspirasi kepada pengkaji untuk menghasilkan karya?

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini dijalankan oleh pengkaji ini dapat memberi faedah yang baik dan memberi pengkarya memahami cara-cara untuk menghasilkan media campuran dalam prinsip pergerakan seni silat Melayu bagi penghasilan karya. Kajian ini juga dijalankan untuk memberi inspirasi kepada pengkarya untuk menggunakan media campuran untuk diolah mengikut aturan malah dapat menghasilkan satu karya yang menggunakan media campuran justeru dapat membolehkan audiens untuk memahami setiap pengisian pada karya. Oleh itu, kajian ini penting kerana ia dapat mengetengahkan karya media campuran sebagai medium yang berkesan serta dapat menarik minat masyarakat terhadap media campuran.

1.6 Skop kajian

Skop kajian yang dibuat oleh pengkaji adalah prinsip pergerakan seni silat Melayu untuk menghasilkan karya seni dengan menggunakan media campuran. Melalui skop tersebut ia dapat mengkaji tentang pembawaan isu yang dibawa dan mementingkan pengisian yang tepat kerana karya yang dihasilkan mampu mempengaruhi penonton memahami mesej yang ingin disampaikan.

BAB 2

KAJIAN LITERATURE

2.0 Sejarah Seni Silat Melayu

Seni silat Melayu merupakan seni untuk mempertahankan diri, seni silat mula tersebar di seluruh Alam Melayu iaitu Kepulauan Melayu semenjak abad ke-7. Seni silat mula dikenali disebabkan oleh kerajaan-kerajaan besar seperti Majapahit dan Srivijaya yang disebutkan oleh pendekar-pendekar besar yang mempunyai kuasa ilmu bela diri dan dapat menghimpun prajurit untuk menunjukkan kemahiran masing-masing dalam pembelaan diri. Menurut Donald F. Draeger berpendapat bahawa seni bela diri atau silat dapat dilihat daripada pelbagai artifak senjata yang digunakan dari zaman klasik iaitu Hindu Budha. Dreager menyatakan bahawa senjata dan seni bela diri silat tidak dipisahkan, ianya bukan sahaja diolah dalam tubuh serta mempunyai unsur spiritual yang berkait rapat dengan kebudayaan Melayu. Sementara itu, Sheikh Shamsuddin (2005) berpendapat bahawa seni silat mempunyai pengaruh ilmu bela diri dari Cina dan India. Hal ini, sejak awal kebudayaan Melayu telah pun mendapat pengaruh yang sangat kuat daripada kebudayaan yang dibawa oleh pedagang mahupun perantau dari India, Cina dan negara lain.


Seni silat telah diakui sebagai seni Melayu asli. Seni silat ini telah mula mempengaruhi orang Melayu yang telah menetap di pantai Pulau Sumatra dan Semenanjung Melayu seperti Kelantan, Kedah dan Kepulauan Riau yang mengamalkan seni silat. Sejak itu perhubungan dengan suku kaum lain juga mula terpengaruh dengan seni silat Melayu. Ada yang menyatakan bahawa budaya China dan India telah mula

mempengaruhi gaya-gaya seni silat. Pada abad ke-14, apabila agama Islam mula tersebar di sepanjang nusantara ia dapat mengajari kesampingan seni silat kepada masyarakat Islam kerana seni silat Melayu ini bukan sahaja seni bertarung dan tarian budaya rakyat tetapi seni silat juga merupakan suatu latihan rohaniah.

Seterusnya, seni silat Melayu telah mula diperhaluskan sebagai minat atau ciri-ciri keistimewaan kepada sistem pemerintahan beraja terutamanya Sultan, panglima, dan juga pendekar sewaktu Kesultanan Melaka, Majapahit dan Srivijaya. Pada waktu Kesultanan Melayu terutamanya orang Melayu di semenanjung, mereka telah menganggap cerita lagenda seperti kepahlawanan Hang Tuah dan Hang Jebat sebagai pahlawan yang mempunyai kekuatan dalam diri. Orang Melayu menganggap mereka kerana ia dapat menunjukkan kekuatan dalam diri untuk mempertahankan diri dan dapat membela nasib diri serta negeri sendiri. Oleh itu, mereka ini dapat menjadi kepahlawanan Melayu kerana berani mempertahankan diri dengan menggunakan seni silat.



Gambar Rajah 1.0 : Keratan Berita Media terhadap pengertian seni silat Melayu



Gambar Rajah 2.0 : Keratan Berita Media tentang seni silat Melayu

Selain itu, seni silat Melayu juga salah satu tradisi Melayu yang paling tua yang merupakan sejenis seni membela diri. Seni silat Melayu mula telah berkongsi sejarah dengan negara lain yang mempunyai sejarah sama di Malaysia termasuklah negara Singapura yang pada ketika itu negara Brunie serta Indonesia menjadi sebagai wardah untuk membebaskan diri daripada kekuasaan era penjajahan. Sewaktu era penjajahan, seni silat Melayu telah mula tersohor dan popular oleh kerana jasa pendekar yang telah lama memperjuangkan dan mengorbankan nyawa untuk kemerdekaan.

Di samping itu, peristiwa-peristiwa sejarah yang telah dibawa oleh pendekar untuk mempertahankan diri melalui seni silat Melayu. Seni silat Melayu harus dijaga supaya ia tidak ketinggalan zaman.

2.1 Seni Silat Melayu

Persilatan atau seni silat Melayu yang sememangnya kaya dengan pelbagai bentuk dan seni silat serta mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Seni silat Melayu mempunyai seni tari atau dikenali sebagai langkah atau bunga sebagai permulaan awal dilakukan untuk pergerakan tubuh badan. Langkah atau bunga yang dibuat akan dipamerkan untuk dijadikan sebagai ketinggian budaya dan juga warisan bangsa Melayu. Selain itu, gerak geri seni silat Melayu sendiri mempunyai unsur-unsur pendidikan budaya agar ahli yang sah dalam seni silat. Hal ini kerana, seni silat Melayu ini mempunyai seni-seni dan teknik yang unik dan mampu menumpaskan musuh. Pergerakan seni silat Melayu juga rupa bentuk kuncian dengan cara pemakaian ahli silat dan pakaian bukan sahaja sebagai penyebab seseorang menjadi sifat sombong.

Ilmu seni silat mempunyai perbezaan jika mengikut guru yang berlainan, malah matlamat untuk menunjuk mempunyai keupayaan dan kekuatan diri masing-masing. Selain itu, ia juga menjadi sebagai seni silat Melayu yang kaya dengan pelbagai kesenian bangsa. Melalui kajian dan sejarah yang telah dilakukan oleh sesetengah pengkaji menyatakan bahawa seni silat Melayu mempunyai tiga teras unsur iaitu Tauhid kepada Allah S.W.T, yang kedua ialah rasakasih dan cinta kepada Rasulullah dan menjadi teras kepada alam persilatan Melayu. Oleh itu, unsur yang mempunyai alam tahyul dan khurafat serta kefahaman ilmu yang songsang pada hakikatnya yang tidak mempunyai ilmu silat Melayu yang sebenar.

Pada masa dahulu, anak lelaki harus memiliki dan mempelajari ilmu seni silat untuk dijadikan sebagai kelengkapan diri sebelum menempuhi kehidupan. Ilmu silat yang harus dituruti kerana ianya sebagai ilmu yang penuh dengan pendidikan yang dapat mengajar erti kehidupan .

2.2 Prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu

Prinsip pergerakan dapat diubah dalam bentuk seni visual iaitu melalui pengolahan unsur seni serta teknik. Prinsip pergerakan ini dapat diaplikasikan dalam keadaan secara rawak agar dapat menghasilkan suasana dan irama dalam sesuatu karya seni. Hal ini akan menghasilkan gambar yang lebih menarik dan menimbulkan kesan yang lebih realistik. Dalam kajian ini, pengkaji akan menyelidik pergerakan dalam seni silat Melayu supaya ia dapat membantu menjalani kajian dengan melalui pergerakan tubuh badan dalam silat. Hal ini kerana, seni silat Melayu mempunyai asas seni yang dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti seni bunga dan buah. Seni bunga merupakan gerakan tari yang lembut dan gemalai disebabkan oleh gerak untuk memastikan atau mengelirukan pihak lawanan manakala seni buah adalah untuk bertujuan kemampuan gerakan balas yang keras, padat dan padu untuk menumpaskan pihak lawan.

Seni pergerakan dapat dimanipulasikan terhadap tubuh badan untuk melakukan aktiviti yang lasak dan mencabar seperti tarian, silat, gimnasti dan sebagainya. Menurut Taylor(1976), ekspresi dapat diterjemahkan melalui rasa hati yang dapat dilahirkan melalui tutur kata, reaksi wajah, imej visual dan reaksi fizikal yang dapat menkaitkan seluruh anggota badan seperti pergerakan tangan, kaki dan badan. Selain itu, ekspresi ini dapat meluahkan pandangan dengan cara yang sama dengan seseorang alami dan difahami oleh orang lain. Dalam kajian ini, ekspresi dapat dilihat melalui prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu yang dapat dijelaskan melalui gerakan silat seperti memukul, menangkis, menendang dan sebagainya. Hal ini akan memberi kean kepada pergerakan tubuh badan yang dapat memberi kemampuan untuk menggambarkan gerak-geri dalam pengetahuan anatomi dalam seni silat.

a) Pergerakan dalam seni silat Melayu



Gambar Rajah 3.0 : Gerak geri pergerakan seni silat

b) Pergerakan tubuh badan



Gambar Rajah 4.0 : Gerak geri pergerakan tubuh badan

2.3 Artis Rujukan



Gambar Rajah 5.0 : Mat Ali Mat Som

Pada tahun 1997, Mat Ali Mat Som telah menamatkan pengajiannya di UITM Shah Alam dengan Ijazah Sarjana Muda Seni Halus. Beliau mula terkenal apabila beliau telah menggunakan arca sebagai hala tuju untuk dijadikan sebagai perkongsian semangat dan pengetahuan silatnya. Selain itu, beliau telah mula mempelajari seni silat, mempelajari sejarah silat serta pergerakannya dan beliau telah menjadikan satu topik yang menarik sejak beliau menonton sebuah dokumentari dalam televisyen iaitu keris.

Gambar karya beliau yang bertajuk Keris Tajong Lok 3, Kajian Keris Tajong Raja Hijau dan Kajian Silat pada tahun 2008 hingga 2009. Beliau telah menggunakan media campuran dan arang di atas kanvas dan beliau telah mempelajari gerak geri silat kerana seni silat mempunyai pelbagai gaya dan teknik yang menfokuskan pada serangan, manipulasi bersama, lemparan dan persenjataan pisau. Oleh itu, dalam seni silat kedudukan tangan yang tetap akan mengingatkan pada tarian perlahan yang tidak terpisah dengan silat Melayu. Selain itu, keris tersebut dapat melambangkan simbol dan senjata untuk pengamal silat. Pada Ketika itu, beliau telah mula berminat dalam menghasilkan bentuk logam ke tahap baru dalam tahap perincian untuk menghasilkan dalam kajiannya yang rumit terhadap tentang susuk tubuh manusia.

Sejak tahun 2009, beliau telah mula mengadakan pertunjukannya di galeri yang terkenal di Malaysia dengan mengadakan persembahan solonya iaitu 'Dendam Tak Sudah' di Metro Fine Art Gallery. Seperti dalam karya beliau seperti Toh Gajah yang terdiri seorang pejuang silat dengan otot dan urat yang membengkak terutamanya di bahagian tangan dan kaki. Hal ini dapat menunjukkan karya yang sangat terperinci terhadap otot, pahlawan tersebut mengayakan untuk menunjukkan kesediaan pergerakan tubuh badannya dengan tidak agresif tetapi pahlawan tersebut seolah-olah merenungkan langkahnya sambil memegang keris dan perisai. Tidak dinafikan lagi beliau merupakan contoh artis yang terbaik. Hal ini, akan memberi sumbangan yang penting kepada pengkaji terhadap pergerakan dalam seni silat Melayu.



Gambar Rajah 6.0 : Bayu Utomo Radjikin

Bayu Utomo Radjikin juga merupakan artis pelukis yang terkenal, beliau dilahirkan pada tahun 1969 di Tawau, Sabah. beliau terkenal dengan lukisan potret kiasannya yang mengaggap watak pendekar Melayu atau pendekar dalam usaha menerokai identiti budayanya. Beliau bukan hanya terikat dengan satu bahagian seperti seni arca sahaja malah lukisan figura beliau juga merupakan karya yang dikenali dalam seni kontemporari Malaysia kerana hasil beliau lebih menfokuskan keperibadian diri dan

kritikan sosial. Oleh itu karya beliau sering berkaitan dengan emosi manusia, sisipan anggota badan dan wajah. Beliau telah menjadikan dirinya sebagai salah satu penyokong kontemporari dalam seni Malaysia untuk membuat karya seni figuratif progresif.

Di samping itu, melalui rujukan artis dapat memberi contoh rujukan terhadap pengkaji untuk membuat kajian terhadap prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu dengan menggunakan media campuran bagi penghasilan karya, dengan mempunyai artis rujukan ini pengkaji dapat menekankan kepentingan elemen dan prinsip seni yang terdapat dalam karya-karya tersebut supaya ia dapat memberi rujukan dan inspirasi kepada pengkaji.



Gambar Rajah 7.0 : Robert Rauschenberg

Beliau telah dilahirkan pada 22 Oktober 1925 dan merupakan pelukis serta grafik di Amerika. Karya awal beliau ialah dengan pergerakan seni pop dan beliau mula terkenal dengan karyanya dengan gabungan iaitu pada tahun 1954, oleh itu sekumpulan pengkarya seni yang dapat mereka menggabungkan semua objek sebagai bahan yang dapat digunakan sebagai bahan karya seni beliau. Selain itu, beliau juga seorang pelukis dan

pada masa yang sama beliau juga seorang pekerja fotografi, pembuatan cetakan, pembuatan kertas dan persembahan.

Selain itu, beliau telah menggunakan teknik media campuran dalam karya beliau untuk menjadikan karya beliau kepada kontemporari. Hal ini, memudahkan pengkaji untuk menjadikan beliau sebagai artis rujukan, kerana beliau dapat memberi rujukan kepada pengkaji untuk membuat karya.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan kaedah untuk memudahkan pengkaji membuat penyelidikan mencari bahan rujukan yang sesuai. Pengkaji telah menekankan beberapa pendekatan dalam penyelidikan tersebut iaitu kajian kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif ini untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan rujukan karya dan pengumpulan data. Oleh itu, semua maklumat data akan dikumpulkan untuk memberi dorongan melanjutkan penyelidikan kajian tersebut.

3.0 Data Kualitatif

Berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan, pengkaji telah menggunakan beberapa pendekatan iaitu kualitatif. Data kualitatif ini juga digunakan untuk mendapatkan maklumat yang fakta dan tepat. Maklumat dan data yang diperolehi oleh pengkaji iaitu melalui pemerhatian terhadap karya-karya dan melalui pembacaan yang dibuat bagi mendapatkan maklumat tentang bahan rujukan.

Antara kaedah yang terdapat dalam kaedah kualitatif ini ialah kaedah pemerhatian, bahan bacaan ilmiah dan internet. Pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian yang telah dilakukan melalui subjek, cara dan kaedah yang terdapat pada karya. Pengkaji telah membuat rujukan kajian melalui pembacaan jurnal dalam laman sesawang yang dapat memberi rujukan berkaitan dengan konsep pendekatan kajian serta contoh-contoh karya yang mempunyai kaitan

dengan kajian tersebut. Oleh itu, maklumat yang fakta dan tepat dapat dikumpulkan akan dapat memberi dorongan terhadap kajian.

3.1 Kaedah Bahan Bacaan Ilmiah

Kaedah bahan bacaan ilmiah ini adalah merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengukur sejauh mana data yang dikumpul dapat memberi rujukan dalam penyelidikan. Pengkaji mendapat sumber rujukan seperti majalah, akhbar secara online, jurnal serta artikel-artikel yang lepas yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Pengkaji akan menggunakan kaedah bahan bacaan ilmiah yang telah dilakukan melalui subjek, cara dan kaedah yang terdapat pada karya untuk mengumpul maklumat.


3.2 Kaedah internet

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah internet untuk dijadikan sebagai bahan rujukan supaya dapat memantapkan lagi maklumat dan data berkaitan kajian. Kaedah ini sememangnya amat memudahkan pengkaji mencari data dan maklumat diperolehi dengan cepat dan mudah. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah laman sesawang ini mendapatkan maklumat dalam artikel atau jurnal secara online tentang bahan kajian tersebut. Kaedah ini dapat membantu pengkaji mencari sumber maklumat dan bahan bacaan untuk mendapatkan maklumat sebelum pengkaji membuat penyelidikan. Namun begitu, maklumat yang diperolehi daripada internet haruslah ditapis terlebih dahulu supaya dapat mengelakkan data yang tidak tepat. Pengkaji menggunakan kaedah internet untuk memudahkan maklumat dengan membuka artikel-artikel dan jurnal yang lepas supaya dapat dijadikan sebagai bahan rujukan.

3.3 Kaedah Kajian Lepas

Pengkaji juga telah membuat pencarian melalau kajian lepas untuk dijadikan sebagai rujukan yang mempunyai kaitan yang hampir dengan kajian pengkaji. Melalui rujukan kajian lepas ini memudahkan pengkaji untuk membuat rujukan dan cara susunan kajian. Hal ini lebih memberikan manfaat kepada pengkaji kerana ia mudah untuk dirujuki. Tambahan pula pengkaji mendapat inspirasi untuk membuat satu karya melalui kajian lepas dan kaedah ini amat penting bagi pengkaji untuk menitikberatkan cara-cara untuk melakukan kajian.

3.4 Diagram Proses Projek Penyelidikan



Jadual 1.0: Diagram Proses Penyelidikan

Dalam diagram proses penyelidikan ini pengkaji telah membuat satu kerangka untuk menjalankan projek penyelidikan yang bertajuk prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu bagi penghasilan karya seni. Dengan pemilihan tajuk ini haruslah dirancang pada minggu pertama untuk pemilihan membuat pemilihan tajuk kajian dan pengkaji telah mencari isu mengenai tajuk kajian.

Selepas membuat pemilihan tajuk, pengkaji telah mengenalpasti masalah yang terdapat dalam kajian penyelidikan. Daripada masalah tersebut, pengkaji dapat membuat tiga objektif dan persoalan kajian untuk memberi penyelesaian terhadap masalah kajian. Dalam hal ini, persoalan yang terdapat dalam kajian ini akan menjawab kesemua objektif dalam hasil kajian. Selain itu, pengkaji telah membuat pengumpulan data dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu bahan bacaan ilmiah, jurnal, artikel secara online dan sumber internet. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengumpul data dengan lebih banyak maklumat.

Di samping itu, selepas pengumpulan data dilakukan pengkaji akan mengeksplorasi cara baru dalam penghasilan karya. Data yang akan dianalisis, pengkaji akan menjalankan objektif kajian untuk diolahkan dalam penghasilan projek akhir karya dan melakukan proses permulaan karya.

3.5 Carta Gantt

Minggu	2020												2021			
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Pemilihan tajuk	■	■														
BAB 1 : Pengenalan		■	■	■												
Latar belakang kajian		■	■	■												
Objektif & permasalahan		■	■	■												
Skop & kepentingan kajian					■	■	■									
BAB 2 : Kajian Literature							■	■								
BAB 3 : Metodologi kajian										■	■	■				
Kaedah kajian											■	■	■	■		
BAB 4: Analisis data											■	■	■	■		
BAB 5: Kesimpulan											■	■	■			

Jadual 2.0 : Carta Gantt


BAB 4

ANALISIS DATA

Dalam bab ini, pengkaji akan menunjukkan proses-proses penghasilan lakaran idea awal sehingga akhir karya. Pengkaji telah membuat analisis, mengenalpasti objektif kajian dan masalah kajian yang dihadapi untuk memudahkan pengkaji membuat karya akhir. Hal ini akan membuat pengkaji akan memulakan dengan lakaran awal sehingga proses penghasilan.


4.0 Proses Penghasilan Lakaran (Sketch) Idea Awal

Sebelum membuat karya pengkaji telah membuat proses awal iaitu memerhati prinsip pergerakan seni silat didalam internet untuk mencari idea sebelum dilakar. Selepas pengkaji mmbuat penilaian dalam internet, pengkaji telah memulakan proses melakar untuk dijadikan sebagai kemudahan untuk pengkaji membuat karya. Lakaran yang dibuat dapat membantu pengkaji untuk menyusun atur atau mengolah idea-idea kepada yang lebih menarik. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah pun mengumpul maklumat dengan sebanyak mungkin melalui kaedah internet, buku ilmiah dan kajian lepas untuk menghasilkan idea lakaran.



Gambar Rajah 8.0 : Lakaran awal dengan menggunakan App sketchbook

Gambar Rajah 8.0 menunjukkan tentang prinsip pergerakan dalam seni silat Melayu yang telah dilakar dengan menggunakan apps Sketchbook sebagai lakaran awal sebelum dijadikan karya. Hal ini, pengkaji membuat lakaran awal untuk memudahkan pengkaji untuk mengolah idea yang seterusnya dan menyusun atur kedudukan yang akan di lakar.



Gambar Rajah 9.0 : Lakaran idea yang kedua untuk menyusun atur lakaran diatas kanvas

Gambar Rajah 9.0 menunjukkan lakaran yang kedua untuk menunjukkan idea lakaran yang seterusnya dan akan digabungkan dengan lakaran yang pertama. Dalam lakaran tersebut, pengkaji telah melakar pesilat yang mempunyai gaya dan teknik untuk menunjukkan pergerakan silat.



Gambar Rajah 10.0 Susunan atur keratan kertas untuk membuat karya

Gambar Rajah 10.0 menunjukkan cara-cara untuk menyusun keratan kertas supaya ia lebih kemas. Melalui susun atur itu dapat mengolah idea untuk meletakkan proses yang seterusnya. Pengkaji juga telah menggunakan unsur pergerakan agar ia dapat mempengaruhi karya. Dalam karya itu juga, pengkarya telah menggunakan bahan pewarna iaitu akrilik untuk menimbulkan kesan yang lebih menarik. Pengkaji menggabungkan akrilik dan keratan akhbar untuk mendapatkan kesan yang lebih baik.



Gambar Rajah 11.0 : Proses memasukkan lakaran pertama

Gambar Rajah 11.0 menunjukkan susun atur atas kanvas selepas proses memasukkan warna dan tampal keratan akhbar. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah stencil dengan lakaran yang pertama untuk menggabungkan dengan bahan yang lain dijadikan sebagai bahan campuran.

4.1 Proses Penghasilan Karya Akhir



Gambar Rajah 12.0 : Proses penghasilan karya

Dalam gambar rajah 12.0 menunjukkan bahawa proses-proses penghasilan karya akhir. Selain itu juga, pengkaji menggunakan kaedah stensil di dalam karya tersebut dengan menggabungkan dengan susunan keratan akhbar dan akrilik. Pengkaji menggabungkan stensil dan warna akrilik untuk lebih nampak moden. Karya ini telah menggunakan kaedah stencil dalam media campuran dalam karya tersebut.

BAB 5

KESIMPULAN

Seni silat Melayu merupakan lambang kemegahan dan kegagahan orang dahulu kala kerana ia dijadikan sebagai senjata untuk mempertahankan diri daripada pihak lawan dan sanggup bertumpah darah untuk menjaga tanah air sendiri daripada dirampas oleh penjajah. Oleh itu, seni silat ini perlulah dijaga agar ia tidak pupus ditelan zaman supaya generasi muda dapat mengenali seni silat Melayu kerana ianya merupakan usaha dan kegigihan nenek moyang kita untuk dijadikan sebagai senjata mempertahankan diri. Seni silat Melayu merupakan warisan Melayu yang kini hanya disertai oleh yang mempunyai minat. Walaupun mempunyai pandangan masyarakat pada masa kini telah berubah terhadap seni silat kerana ia menganggap silat mempunyai unsur-unsur ritual yang menyebabkan seseorang menjadi naik angin. Oleh itu, generasi muda pada masa kini hanyalah dapat melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum atau persatuan untuk mengekalkan warisan seni silat.

BIBLIOGRAFI

Beritamediacorp. (2019, Februari 10). Kehalusan, pengertian seni persilatan Melayu diserlahkan dala bentuk buku:

<https://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapura/kehalusan-pengertian-seni-persilatan-melayu-diserlahkan-dalam/4236784.html>

(2015,April24).PengenalanAsalSilat:<http://asalsilat.blogspot.com/2015/04/pengenalan-asal-silat.html>

(2015, April 27). Asal Usul silat: <http://asalsilat.blogspot.com/2015/04/asal-usul-silat.html>

(2016). *Keunikan Campuran Media.* MyMetro. Retrieved from myMetro:
<https://www.hmetro.com.my/node/118265>

(2017,April8) Dunia Seni Silat Melayu:

http://duniasenisilatmelayu.blogspot.com/2017/04/festival-himpunan-dunia-seni-silat_8.html

Izham Nayan. (2017, Februari 5). Sejarah Silat dan Manfaatnya. Retrieved from izhamnayan.blogspot: <http://izhamnayan.blogspot.com/2017/02/sejarah-silat-dan-manfaatnya.html>

Jufitri Joha. (2020, Februari 6). Silat dan Pembentukan Jati Diri:
<https://belia.org.my/wp/2020/01/06/silat-dan-pembentukan-jati-diri/>

Nora Aniza. (2011, Oktober 2). Seni Silat Melayu. Retrieved from noraaniza.blogspot:

<http://noraaniza.blogspot.com/2011/10/seni-silat-melayu.html>

Seni silat Melayu: Falsafah, Sejarah dan Amalan:

<https://www.ukm.my/atma/news/seni-silat-melayu-falsafah-sejarah-dan-amalan/>

Shun Shahrul.(2011, Mei 8). Irama dan Pergerakan. Retrieved from

shunshahrul.blogspot: [http://shunshahrul.blogspot.com/2011/05/irama-dan-](http://shunshahrul.blogspot.com/2011/05/irama-dan-pergerakan.html)

[pergerakan.html](http://shunshahrul.blogspot.com/2011/05/irama-dan-pergerakan.html)

Siti Haliza Yusop.(2016, Mei 9). Berita harian online :

<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/05/151757/hapus-persepsi-buruk-silat>

https://ms.mihalicdictionary.org/wiki/Silat_Melayu

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN